

23/07/1998

Swasta diminta jayakan festival

Azian Adnan

KEMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia meminta lebih banyak syarikat korporat dari sektor swasta membantu menjayakan beberapa lagi acara kebudayaan yang akan dibuat pada Festival Kebudayaan Komanwel (KL '98) sempena Sukan Komanwel, tahun ini.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Ismail Adam, berkata biarpun peruntukan sebanyak RM10 juta bagi aktiviti itu mencukupi, pihaknya berharap pembabitan swasta akan memeriahkan lagi sambutan serta meningkatkan imej negara di mata dunia. "Setakat ini peruntukan itu memang cukup untuk aktiviti yang sudah dirangka bagi festival ini.

"Bagaimanapun, jika lebih banyak syarikat swasta membantu kementerian seperti sumbangan dan penajaan, ia bukan saja meringankan beban kerajaan malah dapat memeriahkan lagi sambutan Kuala Lumpur '98," katanya ketika ditemui Pusparia, di kementerianya, kelmarin.

Sementara itu, Ismail turut mengumumkan program terbaru festival Kuala Lumpur '98 iaitu Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan (peringkat akhir) yang akan berlangsung pada 24 dan 25 Julai ini di Dewan Sivik, Majlis Perbandaran Petaling Jaya. "Pertandingan ini adalah satu daripada agenda utama KKKP bertujuan mencungkil bakat di bidang nyanyian terutamanya lagu tradisional.

"Namun penganjurannya amat sesuai dengan keadaan apabila masyarakat pendengar mula memberi sambutan baik terhadap lagu irama Melayu. Saya percaya dengan cara ini, ia mempopularkan lagi irama kita di samping memeliharanya untuk generasi akan datang," katanya.

Pada pertandingan itu, seramai 14 peserta yang turut menjadi johan nyanyian asli di peringkat negeri akan berentap merebut gelaran juara pertandingan dan hadiah lumayan berupa wang tunai beserta trofi.

Antara peserta yang layak adalah Norsaini Azali (Perlis), Rezawate Ramlee (Kedah), Mohd Mahathir Mehat (Pulau Pinang), Muhaiza Mustafa (Perak), Mohd Faizal Ahmed Zulkifli (Selangor), Siti Nordiana Alias (Negeri Sembilan), Irahayu Ibrahim (Kelantan), Norhashima Kadir (Terengganu), Ade Nor Azlina Abdul Rahim (Pahang), Nurul Niza Sidek (Melaka), Hadleenda Halid (Johor), Naidayani Osman (Sabah), Adam Abu Kawi (Sarawak) dan Muhaizam Ahmad (Wilayah Persekutuan).

(END)